

Graduan UMS berkongsi

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

kegembiraan bersama keluarga

UB 30.7.2011 B3

MAJLIS
Konvokesyen
Universiti Malaysia
Sabah (UMS) Ke-13 baru
sahaja menutup tirainya
kelmarin.

Seramai 4,484 graduan
berjaya menamatkan
pengajian dan menerima sijil
masing-masing dari pelbagai
peringkat.

Ia termasuklah penerima
sijil Doktor Falsafah, Ijazah
Sarjana, Ijazah Sarjana
Muda dan Diploma.

Salah seorang graduan
yang berjaya menerima sijil
peringkat Ijazah Sarjana
iaitu Kamoi Kalingi, 42,
begitu gembira berkongsi
kejayaannya bersama ahli
keluarga.

Ibu kepada empat orang
anak ini adalah guru
di Sekolah Menengah
Kebangsaan (SMK) Pitas.

Sebelum ini, dia turut
memperolehi Ijazah Sarjana
Muda Pendidikannya di
UMS pada tahun 2002.



BERSAMA KELUARGA...Helvia sempat merakamkan kenangan bersama ahli keluarga pada hari konvokesyen itu.

agar mereka juga dapat
mengikut jejak langkah
saya," katanya.

Sementara itu, Helvia
Jaimol, 23, graduan Ijazah
Sarjana Muda (Komunikasi)
tidak lupa akan jasa dan
pengorbanan kedua ibu
bapanya yang banyak
bersusah-payah dan sentiasa
menyokong selama dia
belajar di UMS.

Katanya, antara
pengalaman yang tidak
dapat dilupakan ketika
belajar di UMS semasa
mengikuti program lawatan
sambil belajar Kembara
Media di Kuala Lumpur
dan Selangor.

Dia berkata, banyak
pendedahan tentang dunia
kewartawanan sama ada
dalam bentuk media
elektronik dan cetak
diperolehi bersama rakan
lain sepanjang lawatan itu.

Selain itu, tambahna,
terlibat dengan pelbagai
aktiviti dalam kampus,
berpeluang berkenalan
dengan pelajar-pelajar
dari dalam dan luar negeri
serta bergiat aktif dengan
aktiviti pembelajaran antara
keseronokan yang tidak
dapat dilupakan ketika di
UMS.

"Sekarang saya sedang
melanjutkan pengajian di
peringkat Ijazah Sarjana
secara penyelidikan dan
khusus kepada bidang
kewartawanan.

"Melanjutkan pelajaran
di peringkat sarjana adalah
salah satu impian dan cita-
cita saya yang mana ia perlu
untuk berada dalam bidang
akademik secara mendalam
terutama sekali dalam
program komunikasi,"
katanya.

Helvia turut
mengucapkan terima
kasih kepada kedua ibu
bapa, keluarga serta para
pensyarah kerana banyak
memberi sokongan dan
dorongan untuk terus
berjuang hingga tamat
pengajian.

Menurutnya, belajar
sambil bekerja adalah satu
cabaran besar buat dirinya
dan ia satu pengalaman yang
begitu berharga.

"Bukan mudah untuk
saya membahagikan
masa antara kerjaya dan
pelajaran. Namun, atas
usaha gigih dan semangat
kuat saya akhirnya berjaya
menamatkan pengajian
hanya dalam tempoh
setahun sahaja," katanya.

Kamoi berkata, dalam
tempoh terbabit, dia
terpaksa berulang-alik
daripada Pitas ke UMS
setiap minggu kerana dia
adalah pelajar separuh masa.

Jelasnya, tanpa semangat
serta usaha gigih, mungkin
hasrat untuk memiliki
Ijazah Sarjana tidak
mungkin akan tercapai.

Dia turut bercita-
cita untuk melanjutkan
pengajian ke peringkat
Doktor Falsafah (PhD) pada
masa akan datang.

"Saya mahu anak-anak
mencontohi kejayaan ini



PENDORONG...Suami dan anak-anak adalah pendorong kuat bagi Kamoi.